

Pusat hemodialisis setiap tahun

Oleh ZAINI RABAN

BANTING 15, Jan. - Yayasan Emkay berhasrat untuk mewujudkan satu pusat rawatan hemodialisis di kawasan luar bandar pada setiap tahun bagi membantu pesakit buah pinggang di kawasan tersebut mendapat rawatan dengan kos yang tidak membebankan.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan berkenaan, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan pejabat daerah yang terlibat bagi mencari tapak yang sesuai bagi pusat berkenaan.

"Kalau boleh Yayasan Emkay mahu menaik taraf atau membaik pulih pusat rawatan sedia ada di luar bandar yang keadaannya sudah uzur atau terlalu lama kerana langkah berkenaan dapat menjimatkan banyak belanja.

"Memandangkan kos bagi mewujudkan sesebuah pusat hemodialisis adalah kira-kira RM1 juta adalah lebih baik sekiranya wang itu lebih digunakan untuk membeli mesin dan bukannya banyak dihabiskan untuk membeli tanah," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pusat Hemodialisis Felina oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Telok Datuk dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah bekas Perdana Menteri

Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Salleh.

Pusat hemodialisis yang menelan belanja sebanyak RM1.3 juta itu merupakan yang kedua diwujudkan oleh Yayasan Emkay selepas penubuhan Pusat Rawatan Hemodialisis Wan Nong di Batu Gajah Perak pada Januari tahun lepas.

Pusat tersebut dilengkapi dengan 10 buah mesin yang boleh digunakan oleh pesakit-pesakit buah pinggang dengan kos yang lebih murah bagi penduduk sekitar Banting.

Bagi tahun depan, yayasan berkenaan bercadang untuk mewujudkan pusat rawatan hemodialisis ketiganya di Kedah dan usaha ke arah itu sudah dimulakan.

Sementara itu, Dr. Siti Hasmah berkata, beliau amat berbangga kerana Yayasan Emkay tidak mengharapkan sumbangan atau sumber kewangan dari pihak luar bagi menjalankan sesuatu aktiviti kebajikan.

Sebaliknya, jelas beliau, yayasan berkenaan menggunakan wang daripada MK Land Holdings Berhad sendiri bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik.

"Saya juga amat menyokong dan bersyukur dengan hasrat Yayasan Emkay yang mahu mewujudkan satu pusat rawatan hemodialisis setiap tahun dan saya berharap ia dapat membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan," katanya.



DR. SITI Hasmah Mohd. Ali bersalaman dengan pesakit buah pinggang, Sairi Ismail sambil diperhati Dr. Mahathir Mohamad selepas merasmikan pusat hemodialisis Felina di Klang, semalam. - Gambar ASMARUDDIN JAMALUDDIN